



Pendekatan Maqasid Syariah Dalam Menangani Isu Etika Kecerdasan Buatan (Ai): Suatu Kerangka Konsep

MASNIH MUSTAPA^{1, a}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

masnih@uitm.edu.my

Abstrak

Kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang pesat dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan dan kewangan telah menimbulkan beberapa isu etika, antaranya privasi data, diskriminasi algoritma dan ketelusan keputusan mesin. Namun begitu, perbincangan mengenai etika AI kebanyakannya masih dikuasai oleh pendekatan sekular Barat, manakala penerapan nilai-nilai Islam seperti Maqasid Syariah masih kurang diberi perhatian secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis isu-isu etika utama berkaitan AI serta mencadangkan satu kerangka konseptual berasaskan prinsip Maqasid Syariah sebagai panduan etika. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis pelbagai bahan rujukan termasuk kajian literatur terkini, dasar teknologi dan garis panduan etika AI. Hasil analisis mengenal pasti lima isu etika utama dalam AI yang dapat dipadankan secara langsung dengan lima prinsip utama maqasid iaitu penjagaan agama (hifz al-dīn), nyawa (al-nafs), akal (al-‘aql), keturunan (al-nasl), dan harta (al-māl). Berdasarkan padanan tersebut, kajian ini mengemukakan satu model dinamakan Maqasid-Driven Ethical AI Framework (M-DEAF) yang merangkumi tiga komponen utama: penilaian etika, penapisan maqasid dan pelaksanaan tindakan. Kerangka ini berpotensi menjadi rujukan berguna kepada pembuat dasar, saintis data Muslim dan institusi teknologi dalam membangunkan sistem AI yang lebih beretika, adil dan berpaksikan nilai Islam. Kajian ini turut memberi sumbangan penting kepada bidang fiqh mu‘āmalah kontemporari dan membuka ruang bagi kajian lanjut secara lapangan dalam pelbagai sektor industri.

Kata kunci: Maqasid Syariah, Etika AI, Teknologi Islam, Model Konseptual, Fiqh Kontemporari

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kecerdasan buatan (AI) telah muncul sebagai pemangkin transformasi global dalam pelbagai sektor utama seperti perubatan, pendidikan, kewangan dan keselamatan. Aplikasi AI yang kian berkembang telah mengubah bukan sahaja corak operasi industri, tetapi juga cara manusia berfikir, bertindak dan membuat keputusan. Teknologi seperti pembelajaran mesin (machine learning), pemprosesan bahasa semula jadi dan algoritma peramal telah mempercepatkan proses analitik serta menyokong kecekapan perkhidmatan. Namun, transformasi ini turut menimbulkan kebimbangan mengenai bagaimana nilai-nilai kemanusiaan harus disepadukan dalam ekosistem digital yang semakin autonomi. Menurut Ikhram dan Shamsuddin (2024), walaupun AI berpotensi membawa manfaat besar, ia juga berisiko merendahkan peranan manusia dalam membuat keputusan yang bermoral, sekaligus mencetuskan persoalan tanggungjawab etika dalam sistem yang tidak bernyawa. Lantaran itu, pemikiran etika yang bersifat nilai, holistik dan berasaskan prinsip perlu diberi perhatian agar penggunaan AI tidak sekadar bersifat utilitarian tetapi menyumbang kepada kesejahteraan sejagat. Kebimbangan terhadap dilema etika AI semakin memuncak apabila pelbagai insiden yang melibatkan diskriminasi algoritma, pelanggaran privasi dan kekaburan dalam proses keputusan mesin mula tercetus di peringkat global. Penilaian etika terhadap AI tidak lagi dapat disandarkan sepenuhnya kepada model sekular Barat yang terlalu bertumpu pada hasil dan keberkesanan semata-mata. Seperti yang dinyatakan oleh Mohadi dan Tarshany (2023), kerisauan terhadap manipulasi data dan ketidaktelusan algoritma memberi gambaran bahawa AI boleh mencetuskan mafsadah jika tidak ditadbir dengan nilai-nilai moral yang kukuh. Mereka menekankan perlunya satu mekanisme penilaian yang mengambil kira keseimbangan antara kepentingan teknologi dan keutuhan nilai manusiawi. Dalam hal ini, pendekatan Maqasid Syariah boleh memainkan peranan strategik sebagai kerangka nilai Islamik yang tidak hanya berasaskan teks, tetapi juga mempertimbangkan maslahat dan konteks semasa. Pendekatan ini menawarkan asas etika yang fleksibel, bersifat prinsip dan berpaksikan perlindungan terhadap lima objektif utama syariah, justeru menjadikannya relevan untuk menangani cabaran etika AI secara sistematik dan inklusif.



1.2 Pernyataan Masalah

Kajian semasa menunjukkan bahawa perbincangan etika AI masih banyak dipengaruhi oleh pandangan sekular Barat seperti utilitarianisme dan deontologi, yang lebih memberi tumpuan kepada keberkesanan teknologi dan keadilan dari sudut peraturan sahaja. Walaupun pendekatan ini memberi asas moral asas terhadap pembangunan teknologi, namun ia sering mengabaikan nilai-nilai rohani dan dimensi maqasid yang menekankan kebaikan umum dan kesempurnaan insan. Hal ini menyebabkan usaha pemetaan etika AI kepada kerangka Islamik masih terbatas, terutama apabila prinsip syariah hanya disebut secara simbolik tanpa penerapan yang kukuh. Menurut Mohadi dan Tarshany (2023), terdapat kekurangan integrasi nilai maqasid dalam reka bentuk sistem AI yang kompleks yang boleh mencetuskan keputusan automatik yang bersifat tidak adil atau menyimpang daripada kehendak syarak. Kebergantungan sepenuhnya kepada nilai universal tanpa pertimbangan kerangka Islam menyebabkan penggubal dasar Muslim menghadapi kekangan dalam menilai teknologi yang berkembang pantas ini secara bermakna. Jurang ini menuntut kepada pendekatan Islamik yang bukan sahaja reaktif, tetapi juga proaktif dan sistematik. Ketiadaan model konseptual yang berasaskan Maqasid Syariah dalam penilaian etika AI menimbulkan cabaran besar terhadap pembangunan dasar yang selari dengan prinsip Islam. Tanpa kerangka yang jelas, sebarang usaha untuk membimbing pembangunan AI menurut nilai maqasid akan kekal bersifat teoritikal dan tidak dapat diaplikasikan secara praktikal. Elmahjub (2023) mencadangkan keperluan untuk satu model hibrid yang menggabungkan prinsip maqasid dengan kerangka pluralistik etika AI agar lebih inklusif dan relevan dalam konteks global. Namun begitu, cadangan tersebut masih di peringkat konseptual dan belum diterjemahkan ke dalam instrumen yang boleh diguna pakai secara sistematik dalam industri. Tambahan pula, model-model etika sedia ada cenderung mengabaikan peranan maqasid dalam memastikan AI tidak sekadar patuh kepada undang-undang, tetapi juga membawa manfaat dan menghindar mudarat kepada umat manusia. Kelemahan ini menimbulkan keperluan mendesak untuk membina satu model konseptual yang menempatkan Maqasid Syariah sebagai teras penilaian dan tindakan, selari dengan keperluan teknologi semasa dan tuntutan syariah.

Kajian ini penting kerana ia membentuk satu kerangka konseptual Islamik yang berteraskan Maqasid Syariah, sesuai digunakan untuk menilai dan membangunkan teknologi AI yang beretika. Ia juga meluaskan cakupan etika Islam dalam bidang teknologi digital, khususnya dalam domain fiqh mu'āmalah kontemporari, sebagaimana ditekankan oleh Bashori et al. (2024) mengenai kesesuaian maqasid dalam membimbing transformasi digital dalam institusi Islam. Tambahan pula, kajian ini berpotensi menjadi rujukan kepada pembuat dasar, penggubal polisi AI, serta para saintis data Muslim dalam menilai impak etika AI secara sistematik dan bersesuaian dengan kerangka nilai Islam.

1.3 Objektif Kajian

Untuk membina satu kerangka konseptual berasaskan Maqasid Syariah dalam menilai dan menangani isu-isu etika utama berkaitan penggunaan kecerdasan buatan (AI) secara holistik dan berteraskan nilai Islam.

1.4 Persoalan Kajian

Bagaimanakah prinsip Maqasid Syariah dapat digunakan untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu etika utama dalam penggunaan kecerdasan buatan (AI) secara berkesan dan beretika?

2. TINJAUAN LITERATUR

2.1 Isu-Etika Utama dalam Penggunaan AI

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) telah menimbulkan beberapa isu etika yang serius, terutamanya berkaitan privasi dan diskriminasi algoritma. Dalam Islam, privasi tidak hanya melibatkan maklumat teknikal seperti data dan lokasi, tetapi turut merangkumi maruah dan kehormatan individu. Kajian oleh Ella Gorian dan Noor Dzuhaidah (2024) menekankan bahawa ruang peribadi seperti suara, imej dan data individu perlu dilindungi mengikut prinsip Syariah, khususnya di negara-negara Islam seperti UAE dan Arab Saudi. Malangnya, dalam pelbagai sektor seperti kesihatan dan pendidikan, data peribadi sering dikumpul tanpa kawalan yang jelas. Selain itu, algoritma AI boleh menjadi tidak adil apabila ia dilatih menggunakan data yang sudah berat sebelah. Ini boleh menyebabkan ketidaksamarataan kepada golongan tertentu seperti wanita dan minoriti, sekali gus bercanggah dengan prinsip keadilan dalam Maqasid Syariah. Menurut Mohadi dan Tarshany (2023), diskriminasi seperti ini boleh membawa kepada kemudaratan (mafsadah) yang perlu dicegah melalui perlindungan data dan keadilan sosial. Selain isu diskriminasi dan privasi, satu lagi cabaran besar dalam AI ialah soal tanggungjawab moral apabila sistem membuat keputusan secara automatik. Jika berlaku kesan buruk, tidak jelas siapa yang harus dipertanggungjawabkan manusia, pembangun sistem atau mesin itu sendiri. Dalam perspektif Islam, keputusan yang memberi kesan kepada fizikal, akal dan agama seseorang haruslah ada tanggungjawab yang jelas. Bashori, Fathonah dan Wahyuni (2024) mengingatkan bahawa AI yang tidak mempunyai kesedaran moral boleh



melemahkan tanggungjawab etika manusia. Mereka mencadangkan audit berasaskan syariah untuk menilai keputusan AI. Ketelusan atau 'explainability' juga menjadi isu utama, kerana pengguna sering tidak memahami bagaimana keputusan algoritma dihasilkan. Lusiana, Aryani dan Rasid (2024) menegaskan bahawa tanpa penjelasan yang jelas, AI boleh mendatangkan kesan buruk tanpa disedari. Maka, sistem AI perlu direka bentuk agar telus, boleh difahami dan sejajar dengan nilai Islam yang adil dan bertanggungjawab.

2.2 Prinsip dan Struktur Maqasid Syariah

Maqasid Syariah merupakan kerangka nilai utama dalam hukum Islam yang bertujuan menjaga dan memelihara lima perkara asas iaitu agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-ʿaql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Prinsip ini menekankan keseimbangan antara manfaat (*maṣlaḥah*) dan kemudaratan (*mafsadah*) dalam sebarang tindakan atau dasar yang dibangunkan. Seiring kemajuan system teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI), pendekatan ini boleh berfungsi sebagai neraca etika yang menilai sejauh mana sesuatu sistem menyumbang kepada kebajikan manusia atau sebaliknya membawa kerosakan. Sejarah perkembangan Maqasid Syariah telah digarap secara sistematik oleh tokoh seperti Imam al-Ghazālī dan al-Shāṭibī, yang menekankan keutamaan menjaga maslahat manusia secara menyeluruh. Kajian oleh Khairil Anwar, Dewi Sartika dan Rika Desy (2021) menunjukkan bahawa pendekatan maqasid telah diaplikasikan secara berkesan dalam perundangan Indonesia, termasuk dalam penilaian dasar-dasar awam. Ini membuka ruang besar bagi penerapan prinsip maqasid dalam membina sistem AI yang tidak sekadar efisien, tetapi juga etikal dan berperikemanusiaan menurut perspektif Islam. Dengan adanya tiga tahap Maqasid Syariah iaitu *darūriyyāt*, *ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*, penilaian etika AI dapat dibuat secara bertahap dan menyeluruh, selaras dengan keutamaan dan keperluan sebenar manusia. Setiap tahap membawa keutamaan yang berbeza, seperti *darūriyyāt* yang menjadi keutamaan tertinggi kerana berkait langsung dengan kelangsungan hidup manusia. Sebagai contoh, pemeliharaan akal dalam *darūriyyāt* menuntut agar teknologi AI tidak mengancam kesihatan mental, pemikiran rasional atau mendorong kepada penyebaran maklumat yang menyesatkan. Kajian oleh Ihkam Shahrullah dan Mohd Shukri Hanapi (2024) menyatakan bahawa penggunaan AI mestilah disertai dengan kebijaksanaan manusia yang mampu menilai akibat jangka panjang terhadap akal dan nilai hidup. Ini bermakna, teknologi yang menggugat keupayaan berfikir secara kritis, memupuk ketagihan atau memudaratkan rohani manusia perlu ditolak berdasarkan prinsip maqasid. Justeru, pembinaan sistem AI Islamik perlu mengambil kira semua tahap maqasid agar tidak terhad kepada kepatuhan teknikal, tetapi juga menepati tujuan syariah yang menyeluruh dan lestari.

2.3 Maqasid dan Teknologi

Integrasi teknologi digital dalam sistem pendidikan Islam seperti yang diterapkan oleh institusi pesantren di Indonesia membuktikan bahawa nilai maqasid Syariah mampu diaplikasikan secara konstruktif dalam era kecerdasan buatan. Kajian oleh Bashori, Fathonah dan Wahyuni (2024) memperlihatkan bahawa penggunaan sistem seperti E-Maail dan pangkalan data maklumat pelajar telah membantu meningkatkan kecekapan pengurusan sumber serta penyampaian pendidikan secara menyeluruh. Usaha ini sejajar dengan prinsip *ḥifẓ al-māl* dan *ḥifẓ al-ʿaql* yang menekankan pemeliharaan sumber serta pembangunan intelektual dalam kerangka Islam. Penggunaan teknologi secara terarah ini juga membuka ruang bagi masyarakat Muslim membina ekosistem digital yang bukan sahaja efisien, tetapi turut mencerminkan nilai-nilai spiritual dan etika Islam. Kejayaan pendekatan ini menunjukkan bahawa inovasi teknologi bukanlah ancaman terhadap prinsip Syariah, sebaliknya berpotensi menjadi alat penting untuk merealisasikan maqasid secara lebih meluas. Model ini memberi inspirasi kepada negara-negara Islam lain untuk membangunkan sistem AI yang menekankan keseimbangan antara kecanggihan teknologi dan pemeliharaan nilai agama. Seiring dengan perbahasan etika kecerdasan buatan global, pendekatan Barat sering kali tertumpu kepada hasil dan akibat (*consequentialism*) tanpa memberi perhatian kepada asas moral intrinsik yang membentuk martabat manusia. Elmahjub (2023) mengkritik kecenderungan ini sebagai tidak mencukupi untuk menangani cabaran etika AI secara holistik. Sebaliknya, beliau mencadangkan pendekatan pluralistik yang menyatukan antara pertimbangan maslahat dan keperluan memelihara prinsip agama yang bersifat tetap, selari dengan objektif maqasid Syariah. Cadangan ini memperkukuh peranan maqasid sebagai asas alternatif yang boleh memimpin perkembangan AI ke arah keseimbangan antara kecekapan teknologi dan tanggungjawab etika. Potensi besar maqasid sebagai rujukan etika sejagat bukan sahaja memberikan solusi kepada negara-negara Islam, tetapi juga membuka wacana baharu dalam kerangka etika teknologi global. Pendekatan ini memperlihatkan keunikan maqasid dalam menangani dilema moral AI melalui prinsip keadilan, kemuliaan insan dan kesejahteraan kolektif.

Tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa belum wujud satu model konseptual yang menyeluruh dan berasaskan prinsip Maqasid Syariah untuk menilai isu etika kecerdasan buatan secara sistematik. Kebanyakan kajian sedia ada hanya membincangkan isu AI dari sudut fiqh atau nilai Islam secara berasingan, tanpa menggabungkan kedua-dua aspek dalam satu kerangka yang seimbang dan boleh diaplikasikan. Kekurangan penyepaduan ini menyukarkan



usaha untuk menilai sama ada penggunaan AI membawa manfaat atau mudarat dalam kerangka nilai Islam. Amirah Izzati et al. (2024) menegaskan bahawa AI memerlukan pendekatan etika fiqh yang holistik agar dapat mengimbangi potensi kebaikan teknologi dengan risiko yang mungkin timbul. Ini penting bagi memastikan AI bukan sahaja berfungsi secara teknikal, tetapi juga selari dengan prinsip perlindungan manusia, keadilan dan kemaslahatan umum seperti yang digariskan dalam maqasid. Oleh itu, pembinaan satu kerangka etika Islam yang sistematik, menyeluruh dan praktikal menjadi keperluan utama dalam memastikan pembangunan AI bergerak seiring dengan nilai Syariah.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen dan kajian literatur kritikal. Sumber sekunder seperti jurnal akademik, dasar kerajaan dan laporan berkaitan etika AI dianalisis menggunakan kaedah thematic content analysis. Penyelidik juga mengaplikasikan kaedah grounded theory untuk mengenal pasti tema utama dan merangka kerangka konsep awal secara induktif. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai dengan sifat konseptual dan eksploratori kajian, sebagaimana dilakukan oleh Mohadi & Tarshany (2023) yang membentuk kerangka etika AI berteraskan maqasid menerusi analisis naratif terhadap kes literatur terpilih.

4. KERANGKA KONSEP CADANGAN

4.1 Pemetaan Isu AI kepada Maqasid Syariah

Isu-isu etika dalam kecerdasan buatan sebenarnya boleh dipadankan secara jelas dengan prinsip Maqasid Syariah kerana kedua-duanya menekankan perlindungan nilai asas manusia. Sebagai contoh, isu privasi data melibatkan aspek menjaga maruah dan keselamatan individu, yang selari dengan matlamat menjaga akal (ḥifẓ al-‘aql) dan nyawa (ḥifẓ al-nafs). Maklumat peribadi seperti imej, lokasi atau suara merupakan sebahagian daripada hak individu yang tidak boleh dicabuli tanpa sebab yang sah. Dalam hal ini, Maqasid Syariah memberikan panduan nilai yang menekankan penghormatan terhadap manusia, bukan hanya sebagai pengguna teknologi tetapi juga sebagai makhluk yang mulia. Kajian oleh Ella Gorian dan Noor Dzuhaidah (2024) menunjukkan bahawa keadilan dan penghormatan terhadap insan perlu dijadikan asas utama dalam merangka etika AI berasaskan Islam. Ini membuktikan bahawa pemeliharaan privasi bukan sekadar keperluan teknikal, malah merupakan tanggungjawab moral dan agama. Diskriminasi algoritma pula berlaku apabila sistem AI membuat keputusan berdasarkan data yang berat sebelah, lalu mewujudkan ketidakadilan terhadap individu atau kumpulan tertentu. Hal ini boleh menjejaskan peluang ekonomi serta akses kepada maklumat yang adil, yang melibatkan perlindungan harta (ḥifẓ al-māl) dan akal (ḥifẓ al-‘aql). Sekiranya sistem AI tidak dikawal, golongan tertentu seperti wanita, minoriti atau orang kurang upaya mungkin terpinggir dalam masyarakat digital. Justeru, prinsip keadilan dalam Maqasid Syariah sangat penting untuk memastikan keputusan AI tidak mendatangkan mudarat. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengenal pasti kerosakan (mafsadah), tetapi juga menekankan kepentingan manfaat (maṣlaḥah) kepada semua pihak. Maka, pemetaan etika AI kepada prinsip Maqasid bukan sekadar teori, malah dapat membentuk sistem teknologi yang lebih adil dan menghormati nilai kemanusiaan sejagat.

Jadual 1: Pemetaan Isu AI kepada Prinsip Maqasid dan Maṣlaḥah

Isu Etika AI	Maqasid Berkaitan	Penjelasan Maṣlaḥah / Mafsadah
Privasi Data	ḥifẓ al-‘aql, ḥifẓ al-nafs	Melindungi keselamatan peribadi
Diskriminasi Algoritma	ḥifẓ al-‘aql, ḥifẓ al-māl	Menjamin keadilan sosial dan peluang ekonomi
AI dalam Kesihatan	ḥifẓ al-nafs	Memberi manfaat menyelamatkan nyawa dan mencegah mudarat
Keputusan yang dihasilkan oleh AI	ḥifẓ al-dīn, ḥifẓ al-‘aql	Menjamin keputusan AI selaras dengan prinsip agama dan nilai moral yang rasional


4.2 Cadangan Kerangka Konsep: Maqasid-Driven Ethical AI Framework (M-DEAF)

Kerangka yang dicadangkan dalam kajian ini dinamakan Maqasid-Driven Ethical AI Framework (M-DEAF). Ia dibina dengan tiga komponen utama iaitu: Penilaian Etika, Penapisan Maqasid dan Tindak Laksana serta Penambahbaikan. Komponen pertama bertujuan mengenal pasti isu-isu etika yang mungkin timbul daripada penggunaan AI seperti pencabulan privasi, keputusan berat sebelah atau ketelusan yang rendah. Langkah ini penting bagi memastikan setiap teknologi yang digunakan tidak menjejaskan hak dan kesejahteraan manusia. Ia juga membantu membentuk pertimbangan awal sama ada sesuatu sistem AI perlu diteruskan, diubah suai atau dihentikan. Pendekatan ini memberi asas yang jelas dalam menilai teknologi dari sudut nilai.



Seterusnya, komponen kedua menyaring isu-isu tersebut berdasarkan prinsip Maqasid Syariah dengan melihat sejauh mana teknologi itu melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Proses ini turut menilai sama ada manfaat yang dibawa lebih besar daripada mudarat, selaras dengan konsep maṣlaḥah dan maṣḍaḥ. Akhir sekali, komponen ketiga memberi fokus kepada pelaksanaan cadangan dan pemantauan yang berterusan. Ini penting bagi memastikan teknologi yang dibangunkan sentiasa dikawal dan ditambah baik mengikut garis panduan nilai Islam. Seperti dijelaskan oleh Bashori, Fathonah dan Wahyuni (2024), pendekatan seperti ini bukan sahaja sesuai digunakan dalam sistem digital semasa, malah boleh disesuaikan mengikut keperluan masyarakat dan perkembangan teknologi.

Rajah 1: Kerangka Alir Maqasid-Driven Ethical AI Framework (M-DEAF)



5. PERBINCANGAN

5.1 Hubungan antara Etika AI dan Prinsip Maqasid

Setiap prinsip utama dalam Maqasid Syariah memberikan panduan yang jelas untuk memastikan teknologi kecerdasan buatan digunakan secara bertanggungjawab dan beretika. Prinsip ḥifẓ al-nafs menekankan perlindungan nyawa dan keselamatan manusia, maka penggunaan AI dalam sektor kesihatan perlu membantu menyelamatkan nyawa serta meningkatkan kesejahteraan pesakit, bukan menggantikan peranan manusia secara mutlak. Sementara itu, prinsip ḥifẓ al-'aql menuntut agar AI digunakan untuk mengukuhkan kemampuan berfikir dan menyokong pencapaian intelektual, bukan menjadikan manusia pasif atau terlalu bergantung kepada sistem automatik. Dalam konteks ini, Elmahjub (2023) menegaskan bahawa konsep maṣlaḥah dalam Islam lebih luas dan tidak hanya mementingkan manfaat jangka pendek, tetapi turut mengambil kira kelestarian nilai dan impak terhadap moral masyarakat. Tambahan pula, prinsip maqasid seperti ḥifẓ al-dīn dan ḥifẓ al-māl turut memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu etika AI yang semakin kompleks. Isu seperti tanggungjawab moral mesin dan ketelusan dalam algoritma memerlukan penilaian berdasarkan prinsip yang menjaga akidah dan keadilan ekonomi. Sebagai contoh, diskriminasi algoritma dalam sektor perbankan atau pekerjaan boleh menjejaskan peluang ekonomi secara tidak adil, maka prinsip ḥifẓ al-māl perlu digunakan untuk memastikan akses saksama dan ketelusan. Menurut Mazri et al. (2019), pendekatan maqasid boleh menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dengan memastikan dasar yang dilaksanakan bersifat progresif, responsif dan selaras dengan tuntutan semasa. Ini menunjukkan bahawa Maqasid Syariah bukan hanya relevan dalam hukum-hakam klasik, tetapi juga sesuai dijadikan asas penilaian dalam pembangunan teknologi masa kini.

Selain aspek praktikal, pendekatan maqasid juga membawa nilai moral yang tinggi dalam setiap fasa pembangunan AI. Ia menekankan bahawa teknologi bukan sekadar alat, tetapi juga medium yang membawa tanggungjawab sosial dan spiritual. Muhammad Afif Bahardin dan Mohd Shahrul Ikhwan (2023) menyarankan agar nilai-nilai etika Islam dijadikan asas dalam merangka pembangunan AI, terutama dalam konteks negara Islam yang menjadikan syariah sebagai rujukan utama. Pandangan ini selari dengan cadangan Ella Gorian dan Dzuhaidah (2024) yang menekankan pentingnya keadilan dan kehormatan insan dijadikan teras dalam sistem pintar. Maka, dengan berasaskan prinsip maqasid, teknologi AI dapat dibangunkan secara lebih seimbang, telus dan berpaksikan nilai kemanusiaan sejagat.

5.2 Implikasi Teoritik dan Praktikal

Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada perkembangan pemikiran etika Islam semasa dengan memperkenalkan satu model sistematik yang menggabungkan prinsip fiqh, maqasid dan teknologi kecerdasan buatan. Model ini memperluas fungsi Maqasid Syariah daripada isu hukum tradisional kepada isu teknologi masa kini, terutama kecerdasan



buatan (AI). Pendekatan ini memperlihatkan usaha serius dalam menyepadukan nilai-nilai Islam dengan perkembangan teknologi secara terarah. Menurut Ihkam dan Shamsuddin (2024), penting untuk membina satu naratif etika teknologi yang berteraskan nilai wahyu agar dasar dan pendidikan teknologi tidak terpisah daripada prinsip agama. Ini menunjukkan bahawa nilai maqasid bukan sekadar sesuai untuk hukum semasa, tetapi juga mampu membentuk kerangka nilai dalam dunia digital Islamik. Justeru, kerangka M-DEAF yang dicadangkan memperkukuh asas nilai dalam membimbing penggunaan teknologi agar lebih adil dan bertanggungjawab. Model M-DEAF berpotensi dijadikan panduan utama dalam membentuk dasar teknologi AI di negara-negara Islam yang ingin membangunkan teknologi secara etika dan berpandukan nilai syariah. Ia juga boleh dimanfaatkan oleh pembuat dasar, pakar syariah dan saintis data Muslim untuk menilai sama ada sesuatu sistem AI selari dengan prinsip maqasid. Dalam bidang pendidikan, perbankan Islam dan kesihatan, model ini dapat membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan teknologi dan memastikan AI digunakan secara lebih mesra pengguna. Mazri et al. (2019) menyatakan bahawa pendekatan maqasid amat sesuai untuk menangani cabaran moden dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui dasar Islam yang terbuka dan progresif. Melalui kerangka ini, AI bukan hanya dilihat sebagai alat teknologi, tetapi sebagai satu sistem nilai yang perlu dibentuk agar menyumbang kepada keadilan dan kemanusiaan sejagat. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan bertema yang disokong oleh pendekatan grounded theory, membolehkan pembentukan kerangka dilakukan secara berasaskan data dan pemahaman teori yang mendalam. Walaupun tiada data lapangan digunakan, pendekatan ini tetap sah kerana ia dibina melalui penilaian sistematik terhadap sumber yang boleh dipercayai. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan konsep dan teori masih relevan dalam membina asas normatif untuk isu etika AI. Kajian oleh Amirah Izzati et al. (2024) juga menyokong pendekatan ini dengan mencadangkan prinsip fiqh sebagai asas penyelidikan etika AI yang jelas dan boleh dilaksanakan. Maka, gabungan antara metodologi kualitatif dan prinsip maqasid yang digunakan dalam kajian ini mampu menghasilkan kerangka teori yang menyeluruh dan bersedia untuk diuji dalam kajian lapangan yang seterusnya.

Walaupun kajian ini memberikan sumbangan penting dari sudut teori, ia masih terbatas kerana hanya bergantung pada data sekunder tanpa pengujian dalam dunia sebenar. Oleh itu, keberkesanan model M-DEAF belum dapat dibuktikan dalam situasi industri yang kompleks dan pelbagai. Kerangka ini juga perlu disesuaikan mengikut sektor tertentu, latar budaya tempatan dan tahap pemahaman masyarakat terhadap teknologi. Cabaran seperti pelaksanaan berskala besar dan keberkesanan penggunaan turut perlu diberi perhatian dalam penyelidikan akan datang. Kajian lanjutan yang melibatkan kerjasama antara akademik, industri dan pembuat dasar amat digalakkan agar model ini benar-benar boleh digunakan secara praktikal. Ini penting supaya M-DEAF bukan sahaja menjadi cadangan teori semata-mata, tetapi juga boleh digunakan secara berkesan dalam menangani isu etika AI pada masa depan.

6. KESIMPULAN

Makalah ini mencadangkan satu pendekatan baharu untuk menangani isu etika dalam teknologi kecerdasan buatan (AI) dengan berpandukan prinsip Maqasid Syariah. Pendekatan ini dinamakan sebagai Maqasid-Driven Ethical AI Framework (M-DEAF), yang bertujuan membantu masyarakat memahami dan mengurus penggunaan AI secara lebih bertanggungjawab dan selaras dengan nilai-nilai Islam. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada perbincangan ilmiah dalam bidang etika AI Islamik, malah membuka ruang baharu dalam memahami bagaimana syariah boleh digunakan untuk membimbing teknologi masa kini. Seperti ditegaskan oleh Ihkam dan Shamsuddin (2024), pembangunan etika teknologi dalam Islam harus selari dengan ajaran wahyu agar hala tuju teknologi tidak menyimpang daripada nilai-nilai kenabian. Model M-DEAF juga membawa manfaat praktikal apabila ia boleh dijadikan panduan dalam membangunkan dasar-dasar berkaitan AI di negara-negara Islam. Ia boleh digunakan oleh pembuat dasar, ahli teknologi dan pengkaji syariah untuk menilai sama ada sesuatu sistem AI mematuhi prinsip Islam. Contohnya, dalam sektor seperti pendidikan, perbankan Islam dan kesihatan, model ini boleh membantu memastikan penggunaan AI tidak menjejaskan hak dan maruah manusia. Mazri et al. (2019) turut menyatakan bahawa pendekatan maqasid mampu membawa perubahan positif dalam masyarakat jika diterapkan secara sistematik dalam pembangunan teknologi dan dasar awam. Maka, pendekatan seperti M-DEAF amat sesuai dijadikan panduan dalam membentuk teknologi yang bukan sahaja canggih, tetapi juga menjaga nilai moral dan kemanusiaan.

Selain menyumbang kepada teori dan amalan, kajian ini juga memberi ruang kepada penyelidikan lanjut. Model M-DEAF boleh diuji dalam pelbagai konteks sebenar seperti hospital, sekolah atau institusi kewangan untuk melihat sejauh mana ia berkesan dan sesuai dilaksanakan. Kajian ini juga mengingatkan mengenai kepentingan membina etika AI yang tidak hanya bergantung pada logik akal semata-mata, tetapi turut mengambil kira wahyu sebagai panduan utama. Pendekatan berasaskan nilai Islam seperti ini amat penting untuk memastikan bahawa kemajuan teknologi sentiasa seiring dengan nilai-nilai kemanusiaan dan tanggungjawab moral.



RUJUKAN

- Abd Muin, M. A., Shuib, M. S., Che Omar, A., & Man, W. (2025). Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam keusahawanan Islam: Peluang dan cabaran di Negeri Kedah. *Online Journal of Islamic Management and Finance*, 5(1), 1–13.
- AlMomani, I. M. (2025). Ethical challenges for using artificial intelligence in understanding Islamic jurisprudence. *Salud, Ciencia y Tecnología – Serie de Conferencias*, 4, 1519. <https://doi.org/10.56294/sctconf20251519>
- Amir Nur Rashid, Z., Mazri, N. M., Md Sawari, M. F., & Megat Laksamana, N. N. (2019). Aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem pendidikan di Malaysia: Pembelajaran abad ke21. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 32–42.
- Bashori, Y. A., Umami, K., & Wahid, S. H. (2024). Maqāsid Shariahbased digital economy model: Integration, sustainability, and transformation. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(2), 405–425. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no2.647>
- Basir, S. A., Zakaria, M. F., & Mohamed, H. A.B. (2021). Pencapaian Maqasid Syariah melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti berasaskan Syariah MS1900: Kajian kes di Pusat Zakat Melaka. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(2), 40–58. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v18i2.380>
- Elmahjub, E. (2023). Artificial intelligence (AI) in Islamic ethics: Towards pluralist ethical benchmarking for AI. *Journal of Philosophy & Technology*, 36(3), 7–25. <https://doi.org/10.1007/s1334702300668x>
- Gorian, E., & Osman, N. D. (2024). Digital ethics of artificial intelligence (AI) in Saudi Arabia and United Arab Emirates. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 583–597. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.798>
- Ihkam, M. K., & Shamsuddin, M. M. J. (2024). Maqasid alShariah in the age of AI: A critical examination of ChatGPT usage among International Islamic University Malaysia students. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 11(2), 1–18.
- Japeri, M. Y., & Sabiruddin. (2024). Grounding Maqasid Sharia in the dakwah and cultural practices of Islamic society. *AlQanatr: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 120–134.
- Khairil Anwar, Awang, M. S., & Sahid, M. M. (2021). Maqasid Syariah menurut Imam alGhazali dan aplikasinya dalam penyusunan Kompilasi Hukum Islam di Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 75–86.
- Khoirunnisa, A., Rohman, F., Azizah, H. A., & Ardianti, D. (2023). Islam in the midst of AI (Artificial Intelligence) struggles: Between opportunities and threats. *International Journal of Islamic Studies*, 35(1), 20–35.
- Lusiana, M. H., Fathimah, E., & Daulay, W. I. H. (2024). Challenges and threats of artificial intelligence in Maqasid Sharia perspective. *RIICSHAW: Raden Intan International Conference on Sharia and Law*, 1, 44–55.
- Mat Rashid, A., Abdul Hamid, N., Mat Nor, M. F., & Mazlan, A. (2021). Aplikasi kecerdasan buatan dan keperluan inovasi dalam aspek perundangan jenayah syariah. *Proceedings of the 8th International Research Management and Innovation Conference (IRMIC)*.
- Mazri, N. M., Amir Nur Rashid, Z., Megat Laksamana, N. N., & Md Sawari, M. F. (2019). Kedudukan ilmu sains dan teknologi dalam menentukan hukum ‘iddah dan kesannya terhadap Maqasid Syariah. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 12–21.
- Md. Isa, A. S., Yusoff, K., & Hamzah, H. (2021). Maqasid Syariah sebagai strategi pengawalan rohani dalam penggunaan media sosial. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(Special Edition 2), 157–172.
- Melisa, R., Ashadi, A., Triastuti, A., Hidayati, S., Salido, A., Luansi Ero, P. E., Marlina, C., Zefrin, Z., & Al Fuad, Z. (2025). Critical thinking in the age of AI: A systematic review of AI's effects on higher education. *Educational Process: International Journal*, 14, e2025031. <https://doi.org/10.22521/edupij.2025.14.31>
- Mohadi, M., & Tarshany, Y. M. A. (2023). Maqasid alShari’ah and the ethics of artificial intelligence: Contemporary challenges. *Journal of Contemporary Maqasid Studies*, 3(1), 10–25.
- Nawi, A., Mohd Yaakob, M. F., Chua, C. C. R., Khamis, N. Y., & Tamuri, A. H. (2024). A preliminary survey of Muslim experts’ views on artificial intelligence. *Islāmiyyāt*, 43(2), 3–16. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat2021430201>
- Nawi, A., Mohd Yaakob, M. F., Hussin, Z., Mohd Muhiyuddin, N. D., Samuri, M. A. A., & Tamuri, A. H. (2021). Keperluan garis panduan dan etika Islam dalam penyelidikan kecerdasan buatan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(Special Edition 2), 280–297.
- Omar, A. I., Muhamad Mahir, L. K., & Mat Saad, Q. N. (2024). Analisis kaedah fiqh tentang kecerdasan buatan (AI) menurut pandangan pakar Muslim. *Jamalullail Journal*, 3(2), 64–86.
- Yunos, A. S., & Hamdan, M. N. (2024). Kecerdasan buatan dalam penjagaan kesihatan: Analisis dari sudut pandang Maqasid alShariah. *Journal of Information System and Technology Management*, 9(35), 58–74.